

Harga minyak RON97 naik 10 sen; RON95 kekal

PUTRAJAYA - Harga runcit bagi minyak petrol RON97 naik sebanyak 10 sen seliter iaitu daripada RM2.57 seliter kepada RM2.67 seliter.

Kementerian Kewangan memaklumkan, harga runcit petrol RON95 kekal pada paras RM2.08 seliter manakala harga runcit diesel kekal pada paras RM2.18 seliter. "Penetapan harga runcit produk

petroleum secara mingguan menggunakan formula Automatic Pricing Mechanism (APM)," katanya menerusi satu kenyataan akhbar di sini semalam.

Sementara itu, anggaran subsidi yang perlu ditanggung oleh Kerajaan dalam tempoh 20 Julai sehingga 26 Julai 2019 adalah berjumlah RM179.97 juta.

